

Larangan Syiah tak jejas hubungan Malaysia-Iran, kata Zahid Hamidi
Malaysian Insider
Mei 2, 2014
Oleh Hasbullah Awang Chik

Tindakan kerajaan Malaysia memerangi ajaran Syiah secara besar-besaran tidak akan menjejaskan hubungan dua hala di antara Malaysia-Iran, kata Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi.

Menteri Dalam Negeri itu berkata hubungan diplomasi antara dua negara dan perbezaan mazhab perlu diasingkan kerana ia dibuat demi menjaga akidah umat Islam.

"Kita membezakan hubungan negara dan perbezaan mazhab. Dari segi hubungan diplomatik kita tidak pernah terjejas.

"Apa yang dilakukan (kerajaan) supaya penyebaran (Syiah) tidak dilakukan di negara kita kerana kita yakin kepada pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah," katanya kepada pemberita di Ibu Pejabat Umno, di Kuala Lumpur hari ini.

Hubungan ekonomi Iran-Malaysia dilaporkan terjejas sedikit ekoran kempen besar-besaran Umno memerangi Syiah.

Sebelum ini, beberapa sumber memberitahu The Malaysian Insider tentang usaha Iran memboikot barangan buatan Malaysia, mengakibatkan nilai dagangan mencatatkan penurunan sejak awal tahun ini.

Sementara itu, mengenai novel Perempuan Nan Bercinta tulisan Faizal Tehrani yang diharamkan Kementerian Dalam Negeri (KDN), Zahid berkata buku itu bukan satu-satunya judul dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak.

Katanya, buku itu diharamkan berdasarkan Seksyen 7 (1) Akta Penerbitan dan Mesin Cetak dan digazetkan pada 9 April lalu.

"Perdana Menteri bukan rasmi buku itu sahaja tetapi buku yang diterbitkan Institut Terjemahan Negara Malaysia (ITNM).

"Kami ada seksyen di KDN selain mendapat maklum balas dan pandangan dari Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim)."

Mengulas himpunan Bantah GST di Dataran Merdeka semalam, Zahid mendakwa jumlah yang hadir tidak melebihi 12,000 orang.

Katanya, tiada unsur provokasi peserta perhimpunan kepada pihak polis dan begitu juga sebaliknya.

"Ada kejadian apabila Unit Amal PAS dan Solidariti Anak Muda Malaysia (SAMM) bergaduh sesama sendiri atas beberapa faktor yang mereka sendiri ketahui tetapi dalam hal ini polis merasakan penganjur tidak mengikut syarat Akta Perhimpunan Aman (PAA).

"Polis akan ambil tindakan berdasarkan undang-undang sedia ada. KDN dan polis sangat bersimpati kepada jurufoto yang dikasari. Kami akan mempertahankan dan melindungi jurufoto untuk siasatan pihak polis," katanya.

Berhubung tiada tindakan polis setelah Unit Amal PAS dan SAMM dikatakan mencetuskan ketegangan, Zahid berkata: "Kenapa anda tidak bertanya kepada Unit Amal dan SAMM untuk menjaga jurufoto itu?"

"Mereka harus ambil tanggungjawab kerana mereka berkata kepada kami sanggup pikul tanggungjawab orang (jurufoto) sebegini," katanya.

Sebaik sahaja selesai Perhimpunan 1 Mei semalam, pertempuran berlaku melibatkan kumpulan anak muda dan petugas media.

Kumpulan yang dianggarkan seramai 50 orang itu dilihat berpakaian hitam dengan membawa sepanduk "Unite against racism global", berarak sekitar Dataran Merdeka dengan membakar suar.

Pergaduhan berlaku apabila kumpulan tersebut melanggar kamera media hingga menyebabkan pertengkaran mulut.

Kumpulan anak muda yang dipercayai daripada gerakan anarki itu kemudiannya memanggil media kata-kata kesat seperti "media anjing" dan "inikah namanya kebebasan media".

Pergaduhan berlaku kira-kira selama 3 minit sebelum keadaan terkawal semula.

Bagaimanapun, polis hanya menyaksikan kejadian itu tanpa mengambil sebarang tindakan. – 2 Mei, 2014.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/larangan-syiah-tak-jejas-hubungan-malaysia-iran-kata-zahid-hamidi>